

27/01/2003

Davos dan pengharapan

Mior Kamarul Shahid

KIRA-KIRA jam 5 pagi Sabtu lalu, kami berlima wartawan Malaysia bergegas bangun kerana sebuah van yang akan membawa kami untuk meninggalkan Davos, Switzerland, dijangka tiba dalam tempoh sejam lagi. Walaupun suhu ketika itu berada pada paras -6 darjah celsius, kami memaksa diri untuk mandi. Di luar pangsapuri, sejli menebal hingga ke anak tangga. Daripada sinaran cahaya lampu jalan, tidak ada warna lain yang kelihatan, melainkan memutih dari kawasan gunung, bumbung rumah, dahan dan daun hinggalah ke atas permukaan jalan raya. Dalam tempoh yang singkat itu kami harus bersiap sedangkan beg pakaian masih belum dikemaskan lagi. Agak kelam kabut kerana ketika itulah baru teringatkan bermacam-macam benda. Tepat jam 6 pagi kami sudah berada di dalam van seolah-olah sudah lama bersiap sedia. Ada antara kami yang sempat bersarapan biskut kering dan yang dibekalkan dari Kuala Lumpur sambil minum air sejuk. Sambil berkemas, sambil mengunyah dan meneguk air botol. Setelah tiga hari berada di kawasan peranginan bersalji kerana membuat liputan Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33, semua kami kekurangan tidur kerana banyak berjalan. Pada malam Sabtu itu kami tidur agak lewat kerana menyiapkan berita sidang akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sekitar forum pada sebelah siangnya.

Kami dinasihatkan supaya meninggalkan Davos awal bagi mengelakkan tersekat di jalan raya berikutan cadangan demonstrasi yang dianjurkan golongan antiglobalisasi di Davos. Kami meninggalkan Davos walaupun forum masih berjalan manakala perbincangan yang panas mengenai masalah dunia masih berterusan.

Daripada perbualan dengan penduduk Davos, mereka tidak senang dengan tindakan sesetengah pihak yang ingin mengganggu keselesaan di bandar itu. Bagi peniaga, WEF bermakna rezeki perniagaan bagi mereka. Tetapi, jika berlaku demonstrasi besar-besaran, ia akan menyebabkan perniagaan mereka terjejas. Kemungkinan besar mereka terpaksa menutup kedai, bimbang sesuatu keadaan tidak diinginkan berlaku. Sememangnya Davos buat masa ini dikunjungi ramai orang dari seluruh dunia tetapi jika semua orang takut untuk keluar bilik, peniaga tidak mendapat apa-apa faedah pun.

Sebenarnya kami boleh tinggal Davos pada sebelah tengah hari tetapi disebabkan sudah berjanji dengan syarikat kenderaan kerana bimbang kehadiran ribuan demonstrator, kami terpaksa akur dengan waktu yang sudah ditetapkan. Pemandu teksi di Davos patuh kepada janji. Mungkin disebabkan Switzerland adalah negara pengeluar jam berjenama terkemuka, penduduknya dilatih supaya patuh kepada waktu. Mereka akan sampai pada waktu yang ditetapkan. Begitu juga dengan waktu bertugas. Jika cukup waktu, mereka akan minta dilepaskan. Kalau ketika itu kami sedang makan malam, terpaksa balik dengan teksi atau bas. Jika tempat yang dituju agak jauh, pulang berjalan kaki perlu dielakkan kerana cuaca yang terlalu dingin. Harga barang di sini agak mahal. Wang yang baru ditukar di bank sekelip mata menjadi tipis, hanya membeli barang-barang untuk dimasak sendiri.

Sebagaimana WEF yang dianggap sebagai persidangan untuk golongan elit, Davos adalah tempat orang kaya bercuti untuk menikmati keindahan pemandangan dan menghabiskan masa meluncur salji. Di sinilah mereka membincangkan soal kepincangan dunia hari ini yang dianggap 'moral' manusia sudah jatuh dan cuba mencari jalan bagi memperbaikinya. Rakyat dari seluruh dunia dikatakan sudah mula luntur keyakinan terhadap pelbagai institusi termasuk kerajaan dan korporat, badan sukarela dan sebagainya,

berpunca sikap kepemimpinan melakukan pelbagai tindakan `curang'. Apakah rakyat akan percaya kepada sebuah kerajaan yang bertindak mahu memerangi negara lain, menindas negara miskin atau memanipulasi pasaran hingga menyebabkan orang lain menderita?

Apakah pekerja yakin dengan syarikat, organisasi sukarela atau badan bukan kerajaan (NGO) yang melakukan tindakan bertentangan dengan hasrat dan kepentingan hak manusia sedangkan mereka sepatutnya menjaga kepentingan pekerja dan ahli. Akibat mementingkan diri sendiri dan tamak, kepemimpinan organisasi lebih melihat kekayaan diri sendiri seterusnya tercetuslah pelbagai skandal. Akibat berlakunya kepincangan dan cara pengurusan yang `menjolok mata' manusia hilang keyakinan terhadap organisasi mereka walaupun ia adalah tempat mereka bergantung hidup dan harapan.

WEF mencari jalan bagaimana mahu memulihkan semula pengharapan rakyat. Tema "Membina Amanah" dipilih dalam forum kali ini kerana manusia dianggap tidak lagi memiliki sikap amanah. Di Zurich, kami meninjau sambil memerhati anggota polis antirusuhan mundar-mandir di sana-sini bersiap sedia menghadapi kemungkinan berlaku demonstrasi yang merebak ke bandar raya ini.